- Dalam mod siap sedia: Menunjukkan sejarah panggilan yang telah dibuat, diterima, dan tidak dijawab.

Kekunci kosongkan
Memadam aksara dengan setiap tekanan. Tahan kekunci ke bawah untuk mengosongkan semua input. Gunakan kekunci ini untuk kembali ke skrin sebelumnya.

Kekunci Tamat/Kuasa
Menamatkan atau menolak panggilan. Tutup tetingkap tugasan dan kembali ke mod siap sedia

Kekunci abjad angka

- **Dalam mod siap sedia:** Masukkan nombor untuk mendail.

Tahan

0 - untuk mengakses aplikasi Penanda buku.

1 - untuk mendail pusat mel suara.

2 kepada 9 - untuk dailan cepat.

- **Dalam mod mengedit:** Masukkan nombor & aksara.

Ciri KT610

Kekunci lembut kiri/ Kekunci lembut kanan

- Menjalankan fungsi ditunjukkan pada bahagian bawah paparan.

Pembesar suara

Kekunci Kosongkan

Kekunci hantar

Kekunci navigasi

Kekunci tamat

Kanta kamera dalaman

Kekunci abjad angka

Kekunci Kamera

Kekunci Shift

- Gunakan untuk menukar huruf semasa menaip.

Kekunci Enter

Kekunci sah

- Memilih menu pilihan dan mengesahkan tindakan.

Kekunci Aksara

- Gunakan untuk memasukkan simbol ke dalam teks.

Kekunci Ruang

- Gunakan untuk memasukkan ruang semasa mengedit.

Kekunci kosongkan

- Memadam aksara dengan setiap tekanan. Tekan dan tahan kekunci ini untuk memadam semua input.
- Gunakan kekunci ini untuk kembali ke skrin sebelumnya.

Kekunci menu

- Buka menu utama.
- Membuka pengurus tugasan

Paparan sisi kiri

Kekunci sisi

Nota

- *Untuk melindungi pendengaran anda, tahap kelantangan maksimum ialah 10.*

Paparan sisi kanan

Slot kad memori Micro SD

Alat dengar/ Pengecas/ Penyambung kabel

Nota

- *Sila pastikan kuasa telefon dihidupkan dan dalam mod melahu sebelum menyambungkan kabel USB.*

Pandangan belakang

Tekan butang ini untuk keluarkan bateri.

Memasang kad SIM dan bateri

1. **Memasang kad SIM.**

   Kad SIM anda mengandungi nombor telefon, butiran perkhidmatan dan kenalan anda dan mesti dimasukkan ke dalam telefon anda. Sentiasa menanggalkan pengecas dan aksesori lain daripada telefon anda sebelum memasukkan dan menanggalkan kad SIM anda. Luncurkan kad SIM ke dalam pemegang kad SIM. Pastikan bahawa kad SIM dimasukkan dengan baik dan kawasan sesentuh keemasan pada kad menghadap ke bawah. Untuk keluarkan kad SIM, tekan ke bawah dengan perlahan dan tarik ke arah bertentangan.

Untuk memasukkan kad SIM

Untuk mengeluarkan kad SIM

Nota

- *Sesentuh logam pada kad SIM akan mudah rosak jika tercalar. Tumpukan perhatian khusus semasa mengendalikan kad SIM. Ikut arahan yang dibekalkan dengan kad SIM.*

2. **Pasang bateri.**

   Luncurkan bateri ke atas sehingga ia berdetap di tempatnya.

3. **Untuk mengeluarkan bateri.**

   Matikan kuasa. (Jika kuasa terpadam, berkemungkinan anda akan kehilangan nombor telefon dan mesej yang tersimpan.)

   Tekan dan tahan butang pelepas bateri dan luncurkan bateri ke bawah.

Mengecas bateri

Sebelum menyambung penyesuai kembara pada telefon, anda mesti memasang baterinya dahulu.

1. Dengan anak panah menghadap anda seperti yang ditunjukkan dalam rajah, tekan plag pada penyesuai bateri ke dalam soket pada sisi telefon sehingga ia berdetap di tempatnya.
2. Sambungkan hujung yang satu lagi ke sesalur penyesuai ke soket utama.

Nota

- *Hanya gunakan pengecas yang disertakan di dalam kotaknya.*

3. Bar bergerak pada ikon bateri akan berhenti selepas pengecasan lengkap.
4. Pastikan bateri dicas sepenuhnya sebelum menggunakan telefon buat pertama kali.

Peringatan

- *Jangan memaksa penyambung kerana mungkin merosakkan telefon dan/atau penyesuai kembara.*
- *Jika anda gunakan pengecas pek bateri semasa mengembara, gunakan penyesuai plag yang dilampirkan untuk tatarajah ya sesuai.*
- *Jangan keluarkan bateri atau kad SIM semasa mengecas.*

Amaran

- *Cabut palam kord kuasa dan pengecas semasa kilat untuk elakkan kejutan elektrik atau kebakaran.*
- *Pastikan tiada item berbucu tajam seperti kuku atau gigi haiwan, bersentuhan dengan bateri. Ini akan menyebabkan kebakaran.*

Memutuskan sambungan pengecas

Putuskan sambungan pengecas daripada telefon seperti yang ditunjukkan dalam diagram di bawah.

Cara menggunakan kad memori

<Kad memori>

<**Cara memasukkan kad memori**>

1 Matikan telefon. Memasukkan atau mengeluarkan kad memori semasa telefon dihidupkan boleh merosakkan fail yang tersimpan dalam kad memori.

2 Tanggalkan penutup plastik yang melindungi slot.

3 Masukkan kad memori ke dalam slot. Sesentuh keemasan mesti disimpan pada bahagian belakang kad memori. Jangan tekan kad memori terlalu dalam. Jika tidak dapat memasukkannya ke dalam slot dengan mudah, anda mungkin telah memasukkannya dengan cara yang salah atau terdapat objek asing dalam slot.

4 Apabila dimasukkan, tolak kad memori sehingga anda mendengar bunyi 'Klik', bermaksud bahawa kad memori telah dimasukkan dengan betul.

5 Tutup plastik perlindungan slot.

6 Untuk mengeluarkan kad memori, buka perlindungan slot dan tekan kad memori untuk membukanya. Cabut kad memori dengan berhati-hati.

Perhatian:

- Elakkan menggunakan kad memori apabila bateri lemah.
- Apabila menulis pada kad, tunggu operasi lengkap sebelum mengeluarkan kad.
- Kad tersebut direka untuk disesuaikan dengan mudah ke dalam sistem satu cara sahaja.
- Jangan lenturkan kad atau memasukkan kad secara paksa ke dalam slot.
- Jangan masukkan sebarang kad memori selain daripada yang dibuat untuk kad memori.
- Jika kad memori telah di formatkan menggunakan FAT32, format kad memori menggunakan FAT16 sekali lagi.

U
ka
ar

P
m

Se
ka
m
ar
pi
ke

O
ha
ka
Se
fo
ya

Untuk maklumat lanjut berkenaan kad memori, sila rujuk ke manual arahan kad memori.

Pemformatan kad memori

Sebelum anda mula menggunakan kad memori anda perlu memformatkannya dahulu. Selepas anda memasukkan kad memori, pilih [ ] → **Pengatur** → **Memori**, kemudian tekan [OK].

Operasi ini hendaklah dilakukan hanya apabila anda memasukkan kad memori buat kali pertama. Semasa memformatkan pelbagai folder akan dibuat untuk jenis data yang berlainan.

Menghidupkan / mematikan telefon

Hidupkan telefon anda

Pastikan kad SIM anda berada dalam telefon dan bateri dicaskan. Tekan dan tahan [ ] sehingga kuasa dihidupkan. Masukkan kod PIN SIM yang dibekalkan bersama kad SIM anda jika permintaan kod PIN Dihidupkan. Anda akan didaftarkan pada rangkaian selepas beberapa saat.

Matikan telefon anda

Tekan dan tahan [ ] sehingga kuasa mati. Atau tekan [ ] dan pilih Matikan! Mungkin terdapat sedikit kelewatan semasa kuasa telefon sedang dimatikan. Jangan hidupkan telefon semula pada masa ini.

Fungsi umum

Membuat dan menjawab panggilan

Membuat panggilan suara

1. Masukkan nombor termasuk kod penuh kawasan.
   - Untuk memadam digit, tekan [←]. Untuk memadam semua digit, tekan dan tahan [←].
2. Tekan [⌒] untuk membuat panggilan.
3. Apabila anda mempunyai panggilan yang sedang berlangsung, anda boleh mengakses berikut dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].
   - **Aktifkan pembesar suara/ telefon bimbit:** Anda boleh menghidupkan/mematikan pembesar suara untuk membenarkan orang lain yang berdekatan mengambil bahagian dalam perbualan, sebagai contoh.
   - **Tamat panggilan aktif:** Pilih pilihan ini jika anda hendak menamatkan panggilan aktif.
   - **Tunda:** Pilih pilihan ini untuk menundakan pemanggil. Pilih **Nyahtunda** untuk meneruskan perbualan anda.
   - **Bisu Panggilan:** Pilih pilihan ini untuk mematikan mikrofon. Untuk menghidupkan mikrofon, tekan Nyahbisu.
   - **Panggilan baru:** Pilih pilihan ini untuk membuat panggilan baru. Panggilan yang aktif ditunda secara automatik.
   - **Buka siap sedia aktif:** pilih ini untuk membuka skrin siap sedia aktif.
   - **Persidangan:** Pilih pilihan ini untuk membuat panggilan persidangan untuk berbual dengan ramai orang dalam masa yang sama.

Petua

- *Untuk menambah peserta pada panggilan persidangan, panggil peserta baru, tekan kekunci lembut*

kiri [(Pilihan] dan pilih Persidangan > Tambah ke persidangan.

- **Tukar ke panggilan video:** Tamat panggilan aktif dan buat panggilan video secara automatik ke nombor yang sama.
- **Hantar MMS:** anda boleh menghantar fail media ke pihak lain sebagai mesej multimedia.
- **Hantar DTMF:** Untuk menghantar nada sentuh.

Petua

- *Sementara panggilan sedang dijalankan, anda boleh menekan nombor kekunci untuk menghantar nada DTMF . Anda boleh menggunakan nada DTMF untuk berkomunikasi dengan peti mel suara dan sistem telefoni berkomputer.*

- **Bantuan:** Gunakan pilihan ini untuk mengetahui ciri telefon.

4. Tekan untuk menamatkan panggilan, atau tutup telefon bimbit.

Membuat panggilan dari log panggilan

1. Dalam mod siap sedia, telan dan nombor telefon terakhir yang masuk, keluar dan tidak dijawab akan dipaparkan.
2. Pilih nombor yang dikehendaki dengan menggunakan kekunci navigasi ke bawah/atas.
3. Tekan untuk memanggil nombor.

Membuat panggilan antarabangsa

Anda boleh membuat panggilan video dalam kawasan perkhidmatan meliputi 3G. Jika pengguna yang memanggil mempunyai telefon video 3G dalam kawasan perkhidmatan meliputi 3G, panggilan tersebut telah sah. Anda juga boleh menjawab panggilan video untuk panggilan video yang masuk.

Fungsi umum

1. Masukkan nombor telefon menggunakan pad kekunci, atau pilih nombor telefon daripada senarai panggilan dibuat/diterima.
   - Untuk membetulkan kesalahan, tekan [←] sekejap untuk memadamkan nombor terakhir , atau tekan dan tahan [←] untuk memadamkan semua nombor.
2. Jika anda tidak mahu menggunakan pembesar suara telefon, pastikan alat dengar telefon dipasang.
3. Untuk memulakan fungsi video, tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih **Panggil**→ **Panggilan video.**
   - Anda akan diberitahu yang anda perlu menutup aplikasi lain untuk membuat panggilan video.

Nota

- *Panggilan video mungkin mengambil sedikit masa untuk disambungkan.*

4. Laraskan kedudukan kamera jika perlu.
5. Apabila anda mempunyai panggilan yang sedang berlangsung, anda boleh mengakses berikut dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].
   - **Lumpuhkan**
     - Menghantar video: Pilih pilihan ini untuk menghantar imej video anda sendiri.
     - Menghantar audio: Pilih pilihan ini untuk menyahbisu mikrofon untuk membenarkan penghantaran audio.
     - Menghantar aud. & video: Pilih pilihan ini untuk menghantar video dan audio.

Nota

- *Anda boleh mengezum imej video masuk dan keluar menggunakan kekunci navigasi atas, bawah .*

- **Dayakan**
  - Menghantar video: Pilih pilihan ini untuk menghantar imej video anda sendiri.
  - Menghantar audio: Pilih pilihan ini untuk menyahbisu mikrofon untuk tidak membenarkan penghantaran audio.
  - Menghantar aud. & video: Pilih pilihan ini untuk tidak menghantar video dan audio anda.
- **Aktifkan pembesar suara/ telefon bimbit:** Anda boleh menghidupkan/mematikan pembesar suara untuk membenarkan orang lain yang berdekatan mengambil bahagian dalam perbualan, sebagai contohnya.
- **Keutamaan video:** Pilih **Butiran jelas** untuk menetapkan keutamaan kualiti yang diterima dengan kadar bingkai rendah tetapi kualiti imej yang baik. Pilih **Video lebih lancar** untuk menggunakan kadar bingkai tinggi tetapi kualiti imej lebih rendah.
- **Hantar gambar:** Anda boleh mengambil gambar dan hantarkannya ke pihak yang lain. Tekan **Tangkap** untuk mengambil gambar dan **Gunakan video** untuk kembali ke panggilan video biasa selepas menghantarnya.
- **Kongsi imej:** Anda boleh menghantar imej dalam folder **Imej** dalam **Galeri** .
- **Tamat panggilan aktif:** Pilih pilihan ini untuk menjawab panggilan video sementara anda mempunyai panggilan video atau panggilan suara sedang berlangsung.
- **Buka siap sedia aktif:** Untuk membuka imej mod siap sedia pada paparan.

- **Gunakan kamera kedua:** Pilih ini untuk menggunakan kamera kedua.
- **Tukar susunan imej:** Untuk menukar lokasi imej video atau imej pegun pihak lain pada paparan.
- **Zum masuk/keluar:** anda boleh zum imej video anda masuk atau keluar.
- **Tukar ke panggilan suara:** Tamat panggilan video dan dail semula nombor sama secara automatik untuk panggilan suara biasa.
- **Bantuan:** Gunakan pilihan ini untuk mengetahui ciri telefon.

6. Tekan untuk menamatkan panggilan, atau tutup telefon bimbit.

Membuat panggilan suara/ video daripada

Mudah untuk menelefon sesiapa sahaja yang nombornya tersimpan dalam Kenalan anda.

1. Gerakkan kayu bedik ke bawah untuk mengakses senarai kenalan.
2. Tatal kepada kenalan untuk membuat panggilan.
3. Tekan untuk membuat panggilan telefon. Tekan kekunci lembut kiri dan pilih **Buat panggilan video** untuk membuat panggilan video.
4. Tekan untuk menamatkan panggilan.

Membuat panggilan antarabangsa

1. Tekan dua kali untuk awalan antarabangsa. Aksara '+' memulakan kod akses antarabangsa.
2. Masukkan kod negara, kod kawasan dan nombor telefon.
3. Tekan .

Melaraskan kelantangan

Semasa panggilan, jika anda hendak melaraskan kelantangan alat dengar,gunakan ( ) pada bahagian kiri telefon.

Menjawab panggilan

Apabila anda menerima panggilan, nada telefon dan ikon telefon yang berkelip akan muncul pada skrin. Jika pemanggil boleh dikenal pasti, nombor telefon pemanggil (atau jika nama tersimpan dalam senarai Kenalan anda) akan dipaparkan.

1. Tekan untuk menjawab panggilan masuk.

Nota

- *Untuk menolak panggilan masuk, tekan atau kekunci lembut kanan dua kali.*
- *Jika Jawab Sebarang Kekunci di Hidupkan (Menu → Tetapan → Telefon→ Panggilan→ Jawab Sebarang Kekunci), sebarang kekunci akan menjawab panggilan kecuali .*

2. Tamatkan panggilan dengan menekan .

Nota

- *Anda boleh menjawab panggilan semasa menggunakan Kenalan atau ciri menu lain.*
- *Apabila telefon yang serasi disambungkan, anda juga boleh menjawab panggilan menggunakan kekunci alat dengar, serta menggunakan telefon. Untuk menolak panggilan masuk, tekan .*
- *Anda boleh membisukan nada dering semasa panggilan masuk dengan menekan kekunci lembut kanan [Senyap].*

Pintasan untuk mengaktifkan mod senyap

Anda boleh mengaktifkan mod senyap dengan menekan dan menahan kekunci selepas membuka telefon. Atau tekan dan pilih **Senyap**.

Memasukkan teks

Anda boleh memasukkan aksara abjad angka dengan menggunakan pad kekunci telefon.

Sebagai contoh, menyimpan nama dalam Kenalan, menulis mesej, membuat sapaan peribadi atau menjadualkan peristiwa dalam kalendar memerlukan teks dimasukkan. Kaedah input teks berikut boleh didapati dalam telefon bimbit.

Mod T9 Abc abc

Mod ini membenarkan anda memasukkan perkataan hanya dengan satu strok kekunci setiap huruf. Setiap kekunci pada pad kekunci mempunyai lebih daripada satu huruf. Mod T9 membandingkan strok kekunci anda dengan kamus dalaman secara automatik untuk menentukan perkataan yang betul, sekali gus menggunakan strok kekunci yang kurang daripada mod ABC tradisional. Ini kadangkala disebut sebagai teks ramalan.

Mod Abc abc

Mod ini membolehkan anda memasukkan huruf dengan menekan kekunci yang berlabel dengan huruf yang dikehendaki sekali, dua, tiga, atau empat kali sehingga hurufnya dipaparkan.

Mod 123 (Mod Nombor)

123

Taip nombor menggunakan satu strok kekunci setiap nombor. Untuk menukar mod 123 dalam medan kemasukan teks, tekan kekunci # sehingga mod 123 dipaparkan.

Menukar mod input teks

Apabila anda berada di medan yang membenarkan aksara dimasukkan, anda akan diberitahu bahawa penunjuk mod teks masuk adalah di penjuru atas sebelah kanan skrin LCD.

- Tekan [#] untuk menukar antara Abc, abc, Abc, abc.
- Tekan dan tahan [#] untuk bertukar antara mod kemasukan teks dan mod entri nombor.

Menggunakan Mod T9

Mod input teks ramalan T9 membenarkan anda untuk memasukkan perkataan dengan mudah dengan menekan kekunci pada nombor yang minimum. Jika anda menekan setiap kekunci, telefon akan mula memaparkan aksara yang ia fikirkan ditaip oleh anda berdasarkan pada kamus bina-dalam. Apabila huruf baru ditambah, perkataannya akan berubah untuk menggambarkan calon yang paling hampir dari kamusnya.

1. Apabila anda dalam mod input teks ramalan, mula memasukkan kata dengan menekan kekunci [2abc] ke [9wxyz]. Tekan satu kekunci bagi setiap huruf.
   - Perkataan berubah semasa perkataan ditaip. Abaikan apa yang terdapat pada skrin sehingga perkataan ditaip sepenuhnya.
   - Jika perkataan masih tidak betul selepas menaip sepenuhnya, tekan [*+] sekali atau lebih banyak untuk skrol pada pilihan perkataan lain.

     Contoh
     Tekan [2abc] [4ghi] [2abc] [6mno] untuk menaip **Bagus**.
     Tekan [*+] untuk pergi **Laman Utama**.
   - Jika kata yang dikehendaki tiada dalam senarai pilihan kata, tambahkannya dengan menggunakan mod ABC.

2. Masukkan kata penuh sebelum mengedit atau memadam apa-apa ketukan kekunci.
3. Lengkapkan setiap perkataan dengan ruang dengan menekan [0].

Untuk memadam huruf, tekan [⮌]. Anda boleh menekan dan menahan [⮌] sehingga seluruh perkataan dipadam.

Menggunakan Mod ABC

Gunakan [2abc] hingga [9wxyz] untuk memasukkan teks anda.

1. Tekan kekunci yang berlabel dengan huruf yang dikehendaki:
   - Sekali untuk huruf pertama.
   - Dua kali untuk huruf kedua.
   - Dan seterusnya.
2. Untuk memasukkan ruang, tekan [0] sekali. Untuk memadam huruf, tekan [⮌]. Tekan dan tahan [⮌] untuk mengosongkan paparan.

Rujuk kepada jadual berikut untuk maklumat lanjut mengenai aksara yang tersedia dengan menggunakan kekunci abjad angka.

Kekunci	Aksara dalam paparan tersusun	
	Huruf Besar	Huruf Kecil
1	.,?!1@'-_():;&/%*#+<=>"$£§¥¤¡¿	.,?!1@'-_():;&/%*#+<=>"$£§¥¤¡¿
2abc	A B C 2 Ä Æ Å Ą Á Ą Ä Ą Ç	a b c 2 ä æ å ą á ą ä ą ç
3def	D E F 3 Ę É Ę Ę Ę Đ	d e f 3 ę é ę ę ę ð
4ghi	G H I 4 Ì Ì Ì Ī Ī	g h i 4 ì ì ì ī ī
5jkl	J K L 5 £	j k l 5 £
6mno	M N O 6 Ò º Ó Ò Ô Ò Ø Ø Ñ	m n o 6 ò º ó ò ô ò ø ñ
7pqrs	P Q R S 7 $	p q r s 7 ß $
8tuv	T U V 8 Ù Ú Ù Ü	t u v 8 ù ú ù ü
9wxyz	W X Y Z 9 Ý Þ	w x y z 9 ý þ
0	Ruang 0 Enter	Ruang 0 Enter

Nota

- *Aksara diperuntukkan pada kekunci dan arahan kemunculannya bergantung pada bahasa yang dipilih menggunakan pilihan Kaedah Input. Jadual di atas menyediakan tetapan aksara untuk Bahasa Inggeris.*

Menggunakan Mod 123 (Nombor)

Mod 123 membolehkan anda memasukkan nombor dalam mesej teks (nombor telefon, contohnya). Tekan kekunci yang bersamaan dengan angka yang dikehendaki sebelum beralih semula secara manual kepada mod entri teks. Dalam mod kemasukan teks, anda boleh memasukkan nombor dengan menekan lama pada kekunci yang sepadan.

Gunakan mod simbol

Mod simbol membolehkan anda memasukkan pelbagai simbol atau aksara tertentu.

1. Untuk memasukkan simbol, tekan kekunci Edit [ ] dan pilih **Lebih banyak simbol**. Tetingkap senarai simbol ditunjukkan.
2. Selepas memilih simbol yang dikehendaki menggunakan kekunci navigasi, tekan OK.

Ikon pada skrin

Ikon	Gambaran
	Peranti sedang digunakan dalam rangkaian GSM.
3G	Peranti sedang digunakan dalam rangkaian UMTS (perkhidmatan rangkaian).
	Anda mempunyai satu atau lebih mesej tidak dibaca dalam folder Peti masuk dalam Mesej.
	Terdapat mesej menunggu untuk dihantar dalam folder Peti keluar.
	Anda mempunyai panggilan tidak dijawab.
	Ditunjukkan jika jenis Mendering ditetapkan kepada nada isyarat Senyap dan Mesej, nada isyarat IM, dan nada isyarat E-mel ditetapkan kepada Mati.

Fungsi umum

Ikon	Gambaran
	Pad kekunci peranti dikunci.
	Penggera jam aktif.
2	Talian kedua telefon sedang digunakan (perkhidmatan rangkaian).
	Semua panggilan kepada peranti dialihkan kepada nombor lain. Jika anda mempunyai dua talian telefon (perkhidmatan rangkaian), penunjuk bagi talian pertama ialah 1 dan bagi talian kedua ialah 2.
	Alat dengar yang serasi disambungkan kepada peranti.
	Sambungan data paket GPRS tersedia.
	Sambungan data paket GPRS aktif.
	Sambungan data paket GPRS ditunda.

Ikon	Gambaran
	Sambungan data paket EDGE tersedia.
	Sambungan data paket EDGE aktif.
	Sambungan data paket EDGE ditunda.
	Sambungan data paket UMTS tersedia.
	Sambungan data paket UMTS aktif.
	Sambungan data paket UMTS ditunda.
	Sambungan data paket HSDPA tersedia.
	Sambungan data paket HSDPA aktif.
	Sambungan data paket HSDPA ditunda.
	Kesambungan Bluetooth dihidupkan.
	Data sedang dihantar menggunakan kesambungan Bluetooth.
	Sambungan USB aktif.

Pokok Menu

1. Google
- 1.1 Carian
- 1.2 Peta
- 1.3 Mel
- 1.4 YouTube

2. Multimedia
- 2.1 RealPlayer
- 2.2 Pemain muzik
- 2.3 Perakam
- 2.4 Kamera
- 2.5 Pemain Flash

3. Profil
- 3.1 Umum
- 3.2 Senyap
- 3.3 Mesyuarat
- 3.4 Luar
- 3.5 Kelui
- 3.6 Luar Talian

4. Penyemak imbas

5. Log
- 5.1 Panggilan terbaru
- 5.2 Tempoh panggilan
- 5.3 Data paket

6. Mesej
- 6.1 Mesej baru
- 6.2 Peti masuk
- 6.3 Folder saya
- 6.4 Peti mel
- 6.5 Draf
- 6.6 Hantar
- 6.7 Peti keluar
- 6.8 Laporan

7. Kenalan

8. Kesambungan
- 8.1 IM
- 8.2 Samb. Pgrs.
- 8.3 Bluetooth
- 8.4 USB
- 8.5 Segerak

9. Pengatur
- 9.1 Kalendar
- 9.2 Jam
- 9.3 Nota
- 9.4 Quickoffice
- 9.5 Kalkulator
- 9.6 Penukar
- 9.7 Pgrs. fail
- 9.8 Memori

0. Bahan saya
- Imej
- Klip video
- Trek
- Klip bunyi
- Pautan strim
- Persembahan
- Semua fail

✱. Alat
- ✱.1 Pemasangan
- ✱.2 Panggil peti mel
- ✱.3 Dail pantas
- ✱.4 Tema
- ✱.5 Aktif. kekunci
- ✱.6 Ap. pgrs.
- ✱.7 Data GPS
- ✱.8 Mercu tanda
- ✱.9 Pgrs. peranti
- ✱.0 Bantuan
- ✱.✱Perihal

#. Tetapan.
- #.1 Umum
- #.2 Telefon
- #.3 Sambungan
- #.4 Aplikasi

Google

Anda boleh melancarkan perkhidmatan google dalam aplikasi ini. Pilih untuk Memulakan Perkhidmatan Google item senarai yang dipilih. Tatal ke senarai item Perkhidmatan Google dan tekan OK.

Cari

Carian Web Mudah Alih Google membenarkan anda mencari laman web yang khusus di reka untuk telefon dan peranti mudah alih.

(Gambaran ini adalah daripada http://www.google.com/support.)

Peta

Anda boleh mengakses peta daripada peranti mudah alih anda dengan pilihan ini:

Mel

Gmail untuk aplikasi mudah alih adalah aplikasi Java boleh dimuat turun, menawarkan pengalaman Gmail terbaik untuk peranti mudah alih yang disokong. Untuk memuat turun, lawati http://gmail.com/app dari penyemak imbas mudah alih anda.

YouTube

Anda boleh menonton pada YouTube Mobile daripada peranti mudah alih anda.

Nota

- Google dan YouTube tidak mengenakan bayaran kepada pengguna yang mengakses laman web mudah alih kami. Bagaimanapun, anda perlu dikenakan bayaran melalui pembekal khidmat untuk data yang digunakan. Untuk maklumat lanjut berkenaan pelan kadar berbeza yang tersedia, hubungi pembekal khidmat anda.

Multimedia

RealPlayer

Anda boleh memainkan klip bunyi atau video yang disimpan dalam telefon atau menstrim muzik dan klip video.

▶ **Buka**

- **Klip baru dimainkan:** Pilih ini untuk memainkan satu daripada 6 muzik atau klip video yang baru anda mainkan.
- **Klip disimpan:** Pilih ini untuk memainkan klip video disimpan atau buka pautan penstriman kepada klip media.

▶ **Video dimuat turun:** Anda boleh memuat turun klip video daripada web.

▶ **Tetapan:** Anda boleh menukar tetapan sambungan atau video.

▶ **Mengenai aplikasi:** Anda boleh melihat maklumat mengenai aplikasi.

Pemain muzik

Anda boleh mainkan trek muzik.

<Operasi kekunci>

Kekunci	Perihalan
OK / 5	Mula memainkan muzik.
‹	Mengurangkan kelantangan.
›	Menambah kelantangan.
⌃ / 2	Memutar semula trek.
0	Menghentikan main balik.
⌄ / 8	Mara cepatkan trek.

▶ **Perpustakaan muzik:** Anda boleh melihat, memain dan menguruskan semua trek muzik yang disimpan pada peranti atau kad memori anda.

▶ **Buka 'Kini Sedang Bermain':** Anda boleh melihat set trek yang sedang dimainkan.

▶ **Muat turun trek:** Anda boleh memuat turun muzik daripada web.

- **Main rawak:** Anda boleh memainkan trek muzik dalam susunan rawak.
- **Gelung:** Anda boleh memainkan muzik secara berulang, sama ada trek khusus atau semua trek.
- **Penyama:** Anda boleh menambah atau mengurangkan frekuensi semasa main balik muzik.
- **Tambah kepada senarai trek:** Anda boleh menambah trek muzik yang dimainkan kepada senarai trek baru atau disimpan.
- **Gunakan nada**
  - **Tetapkan sebagai nada dering:** Anda tidak boleh menetapkan trek muzik sebagai nada dering bagi profil semasa.
  - **Berikan kepada kenalan:** Anda boleh menetapkan trek muzik sebagai nada dering untuk kenalan.
- **Main dalam latar belakang:** Anda boleh tinggalkan **Pemain muzik** dalam latar belakang semasa menggunakan aplikasi lain.
- **Lihat butiran**
- **Butiran tambahan**

Perakam

Anda boleh rakam pertuturan atau bunyi.

Anda boleh rakam panggilan telefon dengan memilih **Perakam** semasa panggilan.

Nota

- *Patuhi semua undang-undang setempat yang meliputi merakam panggilan telefon. Kedua-dua pihak dalam panggilan itu akan mendengar nada setiap 5 saat semasa rakaman itu.*

1. Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih **Tetapan** untuk pilih kualiti rakaman dan memori lalai untuk klip bunyi anda.
2. Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih **Rakam bunyi** untuk mulakan rakaman. Apabila rakaman bermula, masa rakaman muncul di LCD.

3. Apabila anda selesai merakam, tekan kekunci lembut kanan [Henti]. Fail yang direkod disimpan secara automatik dalam folder **Klip bunyi** dalam **Bahan saya**.
4. Untuk mainkan klip bunyi selepas rakaman, tekan [OK].
5. Anda boleh mendengar klip bunyi yang dirakam sebelumnya dengan memilih **Pergi ke Bahan saya**.

Kamera

Dalam aplikasi ini, anda boleh ambil foto atau merakam video.

Anda boleh tukar antara kamera dan perakam video menggunakan kekunci navigasi atas/bawah.

Untuk mengambil foto:

1. Pencari pandangan menunjukkan anda imej yang ditangkap.
2. Untuk zum masuk/keluar, tekan kekunci navigasi kanan/kiri.
3. Menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan], yang berikut tersedia.

- **Tangkap:** Pilih ini untuk ambil foto.
- **Tunjukkan bar alat:** Selepas memilih ini, anda boleh tukar antara mod **Imej** dan **Video**, aktifkan mod malam atau mod urutan, atau tukar antara kamera utama dan kedua menggunakan [OK].
- **Mod video:** Menukar kepada **Mod** video.
- **Gunakan kamera kedua:** Pilih ini untuk menggunakan kamera kedua.
- **Mod malam:** Anda boleh mengaktifkan/nyahaktif mod malam.
- **Mod urutan:** Anda boleh mengambil berbilang foto secara turutan dengan memilih **Hidup.**
- **Pemasa kendiri:** Untuk mengambil foto secara automatik selepas tunda masa pendek.

- **Pergi ke Bahan saya:** Untuk melihat imej dan video yang disimpan pada telefon atau kad memori.
- **Laras:** Anda boleh melaraskan kecerahan, kontras, imbangan putih dan ton warna.
- **Tetapan**

Imej

- Kualiti imej: Anda boleh melaraskan Kualiti imej.

Nota

- *Kualiti imej yang lebih baik, lebih banyak memori foto digunakan dan lebih sedikit foto yang boleh anda simpan pada telefon atau kad memori.*
  - Tunjukkan imej yang ditangkap: Pilih **Tidak** untuk ambil satu foto serta-merta selepas tangkapan yang lain. Dengan cara ini, foto anda tidak akan dipaparkan selepas anda mengambilnya, dan kamera bersedia untuk digunakan semula.
  - Resolusi (Kamera 1): Pilih resolusi yang diingini untuk kamera luaran dengan menekan [OK].
  - Resolusi (Kamera 2): Pilih resolusi yang diingini untuk kamera luaran dengan menekan [OK].
  - Nama imej lalai: Untuk memasukkan nama lalai bagi foto baru anda.
  - Di mana untuk menyimpan foto anda.
- **Bantuan:** Gunakan pilihan ini untuk mengetahui ciri telefon.
- **Keluar**

<Kekunci pintasan>

1 : Untuk mengaktifkan mod malam dan ambil foto semasa pencahayaan dim dan kamera memerlukan masa pendedahan yang panjang.

3 : Untuk mengedit tetapan kecerahan.

4 : Untuk mengaktifkan mod turutan dan ambil 6 foto berturutan.

6 : Untuk mengedit tetapan Kontras.

4. Untuk mengambil foto, tekan OK. Foto disimpan secara automatik dalam folder **Imej** dalam **Bahan saya**.

Untuk merakam video:

1. Tekan kekunci navigasi ke bawah untuk menukar kepada perakam video.
2. Untuk mengezum masuk/keluar, tekan kekunci navigasi kanan/kiri.
3. Menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan],yang berikut tersedia: **Rakam, Tunjukkan bar alat, Mod imej, Gunakan kamera kedua, Mod malam, Bisu, Pergi ke Bahan saya, Laraskan** atau **Tetapan.**

Video

- Panjang: Pilih antara **Maksimum** dan **Pendek**.

Petua

▶ *Untuk menghantar klip video dalam mesej multimedia, pilih Pendek untuk kurangkan saiz video.*

- Resolusi (Kamera 1): Pilih resolusi yang diingini untuk kamera luaran dengan menekan OK.
- Resolusi (Kamera 2): Pilih resolusi yang diingini untuk kamera luaran dengan menekan OK.
- Nama video lalai: Untuk masukkan nama lalai bagi video baru anda.

- Memori sedang digunakan: Pilih di mana untuk menyimpan video anda.

▶ **Bantuan:** Gunakan pilihan ini untuk mengetahui ciri telefon.

▶ **Keluar:** Keluar aplikasi.

4. Untuk rakam video, tekan [OK].
5. Untuk membatalkan rakaman, tekan kekunci lembut kanan [Henti]. Video disimpan secara automatik dalam folder **Klip video** dalam **Bahan saya.** Jika anda tidak mahu menyimpan video, tekan [←]. Untuk mainkan video, tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih **Main**.

Pemain Flash

Anda boleh lihat dan mainkan fail Flash dibuat untuk peranti mudah alih.

1. Untuk membuka folder atau mainkan fail Flash, tatal kepada folder fail dan tekan [OK].
2. Tatal kepada fail Flash dan tekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

Nota

▶ *Pilihan tersedia mungkin berbeza.*

▶ **Hantar:** Anda boleh menghantar fail Flash kepada peranti yang serasi.

▶ **Atur**

- **Salin kepada folder:** Untuk menyimpan salinan fail dalam folder lain.
- **Pindahkan folder:** Untuk memindahkan fail kepada folder yang berlainan.
- **Folder baru:** Untuk membuat folder bagi mengatur fail Flash anda.

3. Untuk memadam fail Flash, tatal kepadanya dan tekan [←].

Profil

Anda boleh menguruskan panggilan, mesej dan tetapan isyarat lain untuk telefon anda.

1. Untuk menukar profil, tatal ke profil yang dikehendaki, tekan kekunci lembut kiri [**Pilihan**] dan pilih **Aktifkan**.

Nota

- *Untuk menukar profil dalam sebarang paparan, tekan kekunci Kuasa sebentar pada bahagian kanan telefon.*
- *Untuk mengaktifkan profil Senyap dalam mod siap sedia, tekan dan tahan [#]. Untuk kembali ke profil Umum, sekali lagi tekan dan tahan [#].*
- *Dalam profil Luar talian, anda tidak boleh membuat atau menerima panggilan atau menggunakan ciri lain yang memerlukan liputan rangkaian.*

2. Untuk mengubahsuai profil, tatal padanya, tekan kekunci lembut kiri [**Pilihan**],dan pilih **Peribadikan**.

Tatal ke tetapan berikut dan [OK] untuk mengedit: Nada dering, Nada panggilan video, Jenis deringan, Kelantangan dering, Nada isyarat mesej, Nada isyarat e-mel, Isyarat getar, nada pad kekunci, Nada amaran, Isyarat untuk.

Petua

- *Apabila anda memilih **Menaik**, kelantangan deringan mula dari tahap satu dan naik mengikut tahap hingga kelantangan maksimum anda tetapkan dalam tetapan seterusnya.*

Untuk menyimpan tetapan anda, tekan **Kembali.**

3. Untuk membuat profil baru menggunakan tetapan bunyi anda sendiri, tekan kekunci lembut kiri [**Pilihan**] dan pilih **Buat baru**.

Pelayar

Menyemak imbas laman web

Anda boleh menyemak imbas laman web dalam menu ini. Masukkan alamat halaman dan tekan kekunci lembut kiri **[Pergi ke].**

Pintasan papan kekunci:

B / 1	Untuk membuka **P**enanda buku anda
F / 2	Untuk mencari teks khusus pada halaman (**C**ari)
P / 3	Untuk kembali kepada halaman **S**ebelumnya
W / 5	Untuk menukar antara **T**etingkap terbuka anda
O / 8	Untuk togol Gambaran keseluruhan halaman hidup dan mati
G / 9	Untuk **P**ergi kepada halaman web yang berlainan.
H / 0	Untuk pergi ke **L**aman utama anda

Anda boleh mengakses berikut dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan]: **Buka pautan, Muat turun, Pergi ke alamat web, Penanda buku, Simpan sebagai penanda buku, Putarkan skrin, Pilihan navigasi, Pilihan zum, tetingkap, Kosongkan data peribadi, Alat, Cari, Tetapan.**

Petua

- *Kuki penting jika anda membeli belah menggunakan web untuk mendapatkan item yang anda beli sehingga anda sampai ke halaman bayaran, sebagai contohnya. Bagaimanapun, maklumat tersebut boleh disalahgunakan, anda mungkin menerima iklan yang tidak dikehendaki dalam telefon anda, sebagai contoh.*

Halaman disimpan

Anda boleh melihat laman web yang disimpan. Selepas anda menatal ke padanya, tekan OK.

Tatal ke halaman yang disimpan dan tekan kekunci lembut kiri **[Pilihan]**

untuk mengakses berikut: **Halaman yang disimpan, Kosongkan data peribadi.**

Untuk mengeluarkan halaman yang disimpan, tatal padanya dan tekan ←.

Auto Penanda buku

Anda boleh kembali ke laman web yang anda lawati baru-baru ini. Selepas menatal ke alamat halaman yang dikehendaki, tekan OK.

Tatal ke penanda buku dan tekan kekunci lembut kiri **[Pilihan]** untuk mengakses berikut: **Kembali ke halaman, Pengurus penanda buku, Tanda/Buang tanda, Pilihan navigasi, Kosongkan data peribadi, Alat, Butiran, Tetapan.**

Untuk memadam pelayan, tatal kepadanya dan tekan ←.

Suapan pelayar

Anda boleh memuat turun dan menguruskan suapan dan blog.

Blog adalah weblog ringkas, diari web dikemas kini dengan berterusan dan bertujuan untuk dilihat oleh mana-mana pengguna web.

Untuk memuat turun suapan atau blog, tatal kepadanya dan tekan OK.

Anda boleh mengakses berikut dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan]: **Muat semula, Muat semula semua, Uruskan suapan, Tanda/ Buang Tanda, Kembali ke halaman, Kosongkan data peribadi, Tetapan.**

Log

Panggilan terbaru

Anda boleh melihat panggilan tidak dijawab, diterima dan didail terbaru.

Panggilan Tidak Dijawab

Membolehkan anda melihat 20 nombor telefon terakhir daripada orang yang tidak berjaya menghubungi anda.

Panggilan diterima

Membolehkan anda melihat 20 nombor telefon terakhir yang telah anda jawab.

Nombor didail

Membolehkan anda melihat 20 nombor telefon terakhir yang telah hubungi atau cuba untuk hubungi.

Nota

- *Anda juga boleh melihat Nombor didail dalam mod siap sedia dengan menekan* .

Anda boleh membuat panggilan, menghantar mesej dan menyimpan nombor dalam Kenalan. Anda boleh mengedit nombor telefon atau menyalin nombor menggunakan pilihan **Gunakan nombor**. Anda boleh memadam panggilan tidak dijawab, diterima atau didail anda.

Anda tidak boleh menetapkan semula panggilan terbaru yang didaftarkan dalam **Panggilan terbaru**, tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih **Kosongkan panggilan terbaru**. Untuk menetapkan tempoh masa untuk menyimpan log peristiwa dalam memori telefon, pilih pilihan **Tetapan**.

Tempoh panggilan

Anda boleh lihat tempoh panggilan kepada dan daripada telefon anda.

Menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan], yang berikut tersedia: **Kosongkan pemasa, Tetapan, Bantuan, Keluar.**

Data paket

Anda boleh menyemak jumlah data dipindahkan semasa sambungan data paket.

Nota

- *Anda mungkin dikenakan bayaran bagi sambungan data paket mengikut jumlah data yang dipindahkan.*

Menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan], yang berikut tersedia: **Kosongkan pengira, Tetapan, Bantuan, Keluar.**

Mesej

Mesej baru

Anda boleh membuat mesej teks, mesej multimedia, mesej audio atau E-mel. Tekan kekunci lembut kiri [Opsyen]. Anda boleh mengakses yang berikut.

Buat mesej

Anda boleh membuat Mesej teks/ Mesej multimedia/ Mesej audio/ E-mel.

Mesej teks

1. Dalam medan **Kepada**, tekan [OK] untuk memilih penerima daripada Kenalan atau masukkan nombor telefon mudah alih penerima.
2. Pindahkan ke medan mesej dengan menekan kekunci navigasi.
3. Masukkan mesej anda dalam medan mesej.

   Menu pilihan dalam medan mesej: Tambah penerima, Masuk, Menghantar pilihan, Butiran mesej, Menulis bahasa.

4. Tekan [ ] untuk menghantar mesej. Mesej akan disimpan secara automatik dalam folder Mesej Yang Dihantar. Jika mesej tidak dihantar, ia akan kekal dalam Peti keluar dengan status gagal.

Nota

- *Untuk menyimpan mesej tanpa menghantarnya, tekan kekunci lembut kanan [Tutup] dan pilih **Simpan ke Draf**.*

Mesej multimedia

Mesej multimedia mungkin mengandungi teks, imej dan klip bunyi dan video. Untuk menghantar dan menerima mesej multimedia, anda perlu berdaftar dengan perkhidmatan mesej multimedia dan tentukan tetapan multimedia dalam telefon anda.

1. Dalam medan **Kepada**, tekan [OK] untuk memilih penerima daripada Kenalan atau masukkan nombor telefon mudah alih penerima atau alamat e-mel.

Petua

- *Jika anda masukkan lebih daripada satu nombor, asingkan nombor menggunakan koma bernoktah. Untuk memasukkan koma bernoktah, tekan [Ch+] dan pilih; menggunakan kekunci navigasi.*
- *Untuk menambah @ dalam mod surat, tekan dan tahan [⇧] dan tekan [2].*

2. Masukkan subjek dalam medan **Subjek**.
3. Masukkan mesej anda dalam medan mesej.

   Menu pilihan dalam medan mesej (Perhatian: Pilihan tersedia mungkin berbeza.): **Hantar, Tambah penerima, Buat persembahan, Masukkan objek, Masukkan baru, Letakkan teks dahulu/ Letakkan teks akhir, Mesan alamat, Pratonton, Objek, Semak kenalan, Menghantar pilihan, Butiran mesej, Menulis bahasa, Bantuan, Keluar.**

4. Tekan [⌒] untuk menghantar mesej.

Mesej audio

1. Tekan [OK] untuk merakamkan mesej anda.
2. Apabila anda mendengar bunyi,sila mulakan rakaman.
   (anda boleh merekod sehingga 2 minit dan 30 saat.)
3. Untuk menyimpan klip bunyi, tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih **Simpan klip bunyi**.

Nota

- *Anda boleh memeriksa apa yang anda rakam menggunakan Pilihan **Main klip bunyi**.*
- *Untuk menggantikan klip bunyi, pilih **Gantikan klip bunyi → Baru klip bunyi**.*
- *Untuk menghantar klip bunyi dalam telefon atau kad memori anda, pilih **Gantikan klip bunyi → Daripada Galeri saya**. Tatal ke trek muzik yang dikehendaki atau klip bunyi dan tekan [OK].*

- *Untuk memadam klip audio, tekan* [←] .

4. Tatal ke medan **Kepada**. Tekan [OK] untuk memilih penerima daripada Kenalan atau masukkan nombor telefon bimbit penerima.

Petua

- *Jika anda masukkan lebih daripada satu nombor, asingkan nombor menggunakan koma bernoktah. Untuk memasukkan koma bernoktah, tekan* [Ctrl] *dan pilih ; menggunakan kekunci navigasi.*

5. Tekan [⌒] untuk menghantar mesej. Mesej audio dihantar dalam perkhidmatan mesej multimedia.

E-mel

Untuk menghantar/menerima e-mel, anda hendaklah menyediakan akaun e-mel.

1. Dalam medan **Kepada**, tekan [OK] untuk memilih penerima daripada Kenalan arau masukkan alamat e-mel.

Petua

- *Jika anda memasukkan beberapa alamat, asingkan dengan koma bernoktah. Untuk memasukkan koma bernoktah, tekan* [Ctrl] *dan pilih ; menggunakan kekunci navigasi.*
- *Masukkan penerima utama dalam medan **Ke** dan mereka yang memerlukan e-mel untuk rujukan dalam medan **Sk** .*

2. Masukkan subjek dalam medan **Subjek**.
3. Masukkan mesej anda dalam medan mesej.

   Menu pilihan dalam medan mesej (Perhatian: Pilihan tersedia mungkin berbeza.): **Tambah penerima, Masukkan, medan Alamat, Lampiran, Menghantar pilihan, Menulis bahasa, Bantuan, Keluar.**

4. Tekan [⌒] untuk menghantar mesej.

Nota

- *Untuk menyimpan mesej tanpa menghantarnya, tekan kekunci lembut kanan [Tutup] dan pilih* ***Simpan ke Draf****.*

Mesej SIM

Anda boleh menyemak imbas mesej pada kad SIM anda.

Siaran Sel

Dengan perkhidmatan siaran sel (CBS), anda boleh menerima mesej berinformasi daripada pembekal khidmat anda berkenaan pelbagai topik, seperti cuaca atau keadaan lalu lintas di sesuatu wilayah.

Untuk menerima mesej siaran sel, anda perlu menghidupkan penerimaan siaran sel.

Tekan kekunci lembut kiri [Pilihan] dan pilih **Tetapan**. Tetapkan **Penerimaan Hidup**.

Dalam senarai topik siaran sel, berikut tersedia dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan]: **Buka, Langgan, Hotmark, Topik, Tetapan.**

Perintah perkhidmatan

Anda boleh menghantar perintah perkhidmatan seperti permintaan pengaktifan untuk perkhidmatan rangkaian ke pembekal khidmat anda. Selepas memasukkan perintah dan tekan [ ].

Tetapan.

Anda boleh menentukan atau mengedit tetapan untuk jenis mesej berbeza. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk menu Bantuan pada telefon.

Peti masuk

Anda boleh menyemak, membuka dan menguruskan teks yang diterima, multimedia dan mesej lain.

1. Tatal ke mesej baru dan tekan [OK].
2. Menggunakan kekunci lembut kiri [Pilihan], yang berikut tersedia. (Perhatian: Pilihan tersedia mungkin berbeza): **Buat mesej, Balas, Susun mengikut, Pindah ke folder** atau **Tanda/Buang tanda.**

Untuk memadam mesej, tekan [←]. Untuk memanggil pengirim mesej, tekan [⌒].

Nota

- *Anda boleh melihat folder lain dalam **Mesej** dengan menggunakan kekunci navigasi kiri, kanan.*

Folder saya

Anda boleh melihat mesej atau templat mesej yang disimpan dalam folder anda sendiri.

Peti mel

Anda perlu mendaftar perkhidmatan e-mel dan sediakan peti mel ke e-mel yang diterima/hantar.

Hubungi pembekal khidmat anda untuk tetapan betul.

Dalam senarai e-mel, berikut tersedia dengan menekan kekunci lembut kiri [Pilihan].

(Perhatian: Pilihan tersedia mungkin berbeza): **Buat mesej, Sambung, Dapatkan e-mel, Padam, susun mengikut** atau **Tetapan e-mel.**

Draf

Anda boleh melihat, mengedit dan menghantar mesej yang telah anda buat tetapi belum dihantar lagi.

1. Tekan [OK] untuk melihat atau mengedit mesej.
2. Untuk menghantar mesej, tekan [⌒].
